



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ADAT MENGIKUT UNDANG-  
UNDANG MELAKA DALAM SULALATUS SALATIN***

**SALIHAHS BINTI RAZAK**

**FBMK 2018 37**



**PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ADAT MENGIKUT UNDANG-  
UNDANG MELAKA DALAM SULALATUS SALATIN**

Oleh

**SALIHAAHS BINTI RAZAK**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**Disember 2017**



Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Ku dedikasi khas buat kalian,

Ayah, Razak bin Abas  
Ma, Maziah binti Abdullah  
Nenek, Wan Fatimah binti Sulong  
Kakak, Salmah binti Razak, Salinda binti Razak  
Adik, Mohd Saifullah bin Razak, Muhamad Syafiq bin Razak  
Tunang, Mohd Lutfi bin Ahmad  
Semua guru dan pensyarah ku  
Sahabat-sahabat ku  
dan  
Pembaca sekalian.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ADAT MENGIKUT UNDANG-  
UNDANG MELAKA DALAM SULALATUS SALATIN**

Oleh

**SALIHAHS BINTI RAZAK**

**Disember 2017**

Pengerusi : Arba'ie bin Sujud, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*. Kajian ini bertitik tolak dari pandangan sarjana yang memperakurkan bahawa undang-undang adat yang diperuntukkan dalam kerajaan Melayu Melaka dilaksanakan. Namun, wujud percanggahan pandangan apabila terdapat beberapa sarjana menganggap bahawa undang-undang tersebut hanyalah sebuah risalah apabila peraturannya dikesampingkan. Selain itu, fasal dalam *Undang-Undang Melaka* yang melibatkan aspek adat, hukum adat dan hukum Islam saling bercampur dan tidak dibuat pembahagian. Oleh itu, kajian ini didasarkan pada tiga objektif utama, iaitu mengkategorikan pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*, menganalisis pelaksanaan undang-undang adat berdasarkan adat yang sebenarnya adat, adat yang diadatkan dan adat yang teradat serta menilai pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*. Bagi mencapai objektif tersebut, fasal dalam *Undang-Undang Melaka* dirujuk untuk meneliti pelaksanaan undang-undang adat dalam *Sulalatus Salatin*. Terdapat dua kaedah yang digunakan, iaitu Kategori Adat (2015) yang dirumuskan dari konsep undang-undang adat untuk mengkategorikan dan menganalisis data serta Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu (1991) bertujuan menguatkan hujah dan data kajian. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pelaksanaan undang-undang adat dalam kategori adat yang sebenarnya adat adalah melibatkan peruntukan hukuman yang seiring dengan hukum Islam berlandaskan ketetapan al-Quran mahupun Hadis. Pelaksanaan undang-undang adat dalam kategori adat yang diadatkan pula merupakan peraturan mahupun pra syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap kelompok masyarakat Melayu tradisi. Manakala, pelaksanaan undang-undang adat dalam kategori adat yang teradat melibatkan peruntukan hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah dengan mengikut ketetapan hukum adat. Hasil penilaian terhadap pelaksanaan undang-undang adat tersebut menunjukkan bahawa bukan semua undang-undang adat dilaksanakan, terutamanya dalam kategori adat yang sebenarnya adat dan adat yang teradat dengan mengemukakan beberapa faktor penghalang. Justeru, dengan analisis dan penilaian tersebut, kajian ini diharap dapat menyumbang hasil dapatan yang baharu terutama dalam pengkajian berhubung dengan sastera undang-undang dan historiografi Melayu tradisional sebagai rujukan terhadap pelaksanaan undang-undang Melayu moden.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE IMPLEMENTATION OF CUSTOMARY LAWS ACCORDING UNDANG-  
UNDANG MELAKA IN SULALATUS SALATIN**

By

**SALIHAHS BINTI RAZAK**

**December 2017**

**Chairman : Arba'ie bin Sujud, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This research aims to review the implementation of customary laws according *Undang-Undang Melaka* in *Sulalatus Salatin*. This study is based on a scholarship view that the customary law provided in the Melaka Malay government was implemented. However, there is a contradiction in the view that some scholars consider the law to be a treatise when the rules are ignored. In addition, clauses in *Undang-Undang Melaka* involving customary aspects, customary laws and Islamic law are mixed and are not divided. Therefore, this study is conducted based on three main objectives, which are categorizing the implementation of customary laws according *Undang-Undang Melaka* in *Sulalatus Salatin*, analysing the implementation of customary laws based on the actual customs, enacting customs and habitual customs and evaluating the implementation of customary law according *Undang-Undang Melaka* in *Sulalatus Salatin*. In order to achieve these objectives, clauses in the *Undang-Undang Melaka* were referred to for the purpose of examining the implementation of customary law in *Sulalatus Salatin*. There are two methods used, namely the Customs Category (2015) formulated from the concept of customary law to categorize and analyse data and Political Theory of al-Farabi and the Malay Society (1991) in strengthening the justification and study data. Based on this research, the implementation of the customary law in the category of the actual customs involves the provision of punishment that is in accordance with Islamic laws as states in the Quran or the Hadiths. The implementation of the customary law in the category of enacting customs is a rule or prerequisite that every traditional Malay community must abide. Meanwhile, the implementation of the customary laws in the category of the habitual customs involves the provision of punishments set by the government under the provision of customary laws. The results of the assessment on the implementation of customary law indicate that not all customary laws are implemented, especially those in the category of actual customs and habitual customs by submitting several barrier factors. Therefore, hopefully with this analysis and assessment, this study is expected to significantly contribute to new findings especially in the literature study of laws and traditional Malay historiography as a reference for the implementation of the modern Malay laws.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan berkat, rahmat dan izin kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini. Setinggi penghargaan ditujukan kepada Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan Prof. Madya Dr. Arba'ie bin Sujud yang banyak berkongsi ilmu, memberikan kepercayaan, tunjuk ajar, nasihat dan teguran sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Jutaan terima kasih juga buat Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad dan Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan kerana banyak memberikan idea, komen dan pandangan untuk memperbaiki penulisan ini. Penghargaan turut diberikan kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia di atas segala bantuan dan kerjasama yang dihulurkan. Tidak lupa buat institusi pendidikan lain yang banyak membantu dalam proses penyediaan dan kemas kini penulisan tesis ini. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan MyBrain15 yang memberi tajaan sepanjang pengajian dan penyelidikan ini dilakukan.

Penghargaan khas dan istimewa ku tujuhan buat ahli keluarga tersayang. Buat ayah dan nenek yang telah dijemput Ilahi dan dirindu serta diingat selalu, Razak bin Abas dan Wan Fatimah binti Sulong, doa dan ingatan tulus ikhlas mengiringi perjalanan kalian (al-Fatiyah). Buat ma yang tersayang Maziah binti Abdullah, terima kasih atas doa dan restu seorang ibu buat anak-anak mu. Buat adik beradik, Salmah binti Razak, Salinda binti Razak, Mohd Saifullah bin Razak dan Muhamad Syafiq bin Razak serta insan yang dekat dengan ku Mohd Lutfi bin Ahmad, terima kasih di atas doa, semangat dan sokongan yang diberikan. Hanya Allah yang dapat membala jasa dan pengorbanan kalian. Terima kasih juga ditujukan buat ahli keluarga, saudara mara yang sentiasa mendoakan dan menyokong perjuangan ilmu ini. Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana banyak membantu menyumbangkan idea, memberi tunjuk ajar, semangat dan dorongan dalam proses menyiapkan tesis ini. Akhir kata, terima kasih tak terhingga buat kalian, semoga kejayaan dunia dan akhirat menjadi milik kita semua.

Amin.

Salihahs binti Razak,  
Universiti Putra Malaysia.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 12 Disember 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Salihahs binti Razak bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut Undang-Undang Melaka dalam Sulalatus Salatin” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Hashim bin Ismail, PhD**

Profesor Madya

Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
(Pemeriksa Luar)

---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 Mac 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Salihahs binti Razak (GS37654)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012/2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Arba'ie bin Sujud

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz

## **SENARAI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv

### **BAB**

<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Definisi Operasional	7
1.6.1 Undang-Undang Adat	7
1.7 Kesimpulan	10
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Sorotan Literatur Undang-Undang Adat	11
2.3 Sorotan Literatur Naskhah <i>Undang-Undang Melaka</i>	16
2.4 Sorotan Literatur Naskhah <i>Sulalatus Salatin</i>	19
2.5 Sorotan Literatur Berkaitan Falsafah al-Farabi	24
2.6 Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian ini	28
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	29
3.2 Tatacara Kajian	29
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	29
3.2.2 Analisis Data dan Pemilihan Bahan	29
3.3 Pendekatan Kajian	30
3.4 Kategori Adat	30
3.4.1 Kategori 1: Adat yang Sebenarnya Adat	32
3.4.2 Kategori 2: Adat yang Diadatkan	33
3.4.3 Kategori 3: Adat yang Teradat	33
3.5 Ciri-Ciri Kategori Adat yang Sebenarnya Adat, Adat yang Diadatkan dan Adat yang Teradat	34
3.6 Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu	35
3.6.1 Latar Belakang al-Farabi sebagai Landasan kepada Pembinaan Teori	37
3.6.2 Fasal dalam Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu	38

3.6.2.1	Fasal 1: Pemimpin Berjiwa Nasional dan Berfikiran Antarabangsa	39
3.6.2.2	Fasal 2: Hubungan Akhlak dengan Pemimpin	42
3.6.2.3	Fasal 3: Masyarakat Melayu dan Identiti Baru	46
3.7	Rasional Pemilihan Kategori Adat (2015) dan Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu (1991)	50
3.8	Kerangka Kajian	52
<b>4</b>	<b>PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ADAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG MELAKA DALAM SULALATUS SALATIN</b>	
4.1	Pengenalan	53
4.2	Kategori Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut <i>Undang-Undang Melaka dalam Sulalatus Salatin</i>	54
4.2.1	Kategori Adat yang Sebenarnya Adat	54
4.2.2	Kategori Adat yang Diadatkan	55
4.2.3	Kategori Adat yang Teradat	57
4.3	Analisis Kategori Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut <i>Undang-Undang Melaka dalam Sulalatus Salatin</i>	58
4.3.1	Analisis Kategori Adat yang Sebenarnya Adat	58
4.3.1.1	Kesalahan Mencuri	59
4.3.1.2	Kesalahan Berzina	62
4.3.1.3	Hukum Idah	67
4.3.1.4	Hukum Amanah	71
4.3.1.5	Kesalahan Membunuh	80
4.3.1.6	Kesalahan Meminum Arak	83
4.3.2	Analisis Kategori Adat yang Diadatkan	87
4.3.2.1	Senarai Pembesar yang Boleh Menggantikan Raja	87
4.3.2.2	Syarat Sebagai Hamba Raja	107
4.3.2.3	Syarat Sebagai Raja	115
4.3.2.4	Dosa yang Tidak Dapat Diampuni oleh Hakim Melainkan Raja	124
4.3.2.5	Golongan yang Dibenarkan Membunuh	129
4.3.3	Analisis Kategori Adat yang Teradat	132
4.3.3.1	Kesalahan Membunuh Tanpa Pengetahuan Raja	132
4.3.3.2	Kesalahan Mengamuk	135
4.3.3.3	Kesalahan Hamba yang Ingin Membunuh Tuannya	138
4.3.3.4	Kesalahan Membunuh Hamba Raja	143
4.3.3.5	Kesalahan Mencuri	146
4.3.3.6	Kesalahan Menawar atau Mengganggu Anak Orang	147
4.3.3.7	Kesalahan Bersekutu	151
4.3.3.8	Kesalahan Mengupah Pembunuh	155

4.3.3.9	Kesalahan Angkara	159
4.4	Penilaian Kategori Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut <i>Undang-Undang Melaka</i> dalam <i>Sulalatus Salatin</i>	166
4.4.1	Penilaian Pelaksanaan Undang-Undang Adat dalam Kategori Adat yang Sebenarnya Adat	166
4.4.2	Penilaian Pelaksanaan Undang-Undang Adat dalam Kategori Adat yang Diadatkan	167
4.4.3	Penilaian Pelaksanaan Undang-Undang Adat dalam Kategori Adat yang Teradat	169
4.4.4	Faktor Penghalang terhadap Pelaksanaan Undang-Undang Adat	170
4.4.4.1	Kemutlakan Kuasa Raja	171
4.4.4.2	Keterbatasan Kuasa Pembesar	173
4.4.4.3	Kecelaruan Agama	175
4.4.4.4	Ketidakpatuhan terhadap Nilai Sosial	178
4.4.5	Implikasi Dapatkan Kajian	179
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	181
5.2	Rumusan terhadap Pengkategorian, Penganalisisan dan Penilaian	181
5.3	Cadangan	185
<b>BIBLIOGRAFI</b>		187
<b>BIODATA PELAJAR</b>		204
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		205

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Ciri-Ciri Kategori Adat yang Sebenarnya Adat, Adat yang Diadatkan dan Adat yang Teradat	35
2	Karya al-Farabi Berkaitan Akhlak dan Siasah	36
3	Masalah dalam Politik Antarabangsa	43
4	Masalah dalam Politik Melayu Tradisi	44
5	Sikap Rakyat yang Membentuk Negara Tidak Baik	47
6	Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut Kategori Adat yang Sebenarnya Adat	54
7	Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut Kategori Adat yang Diadatkan	55
8	Pelaksanaan Undang-Undang Adat Mengikut Kategori Adat yang Teradat	57
9	Amanah Sultan Mansur Syah kepada Pembesar	73
10	Amanah Sultan Mansur Syah kepada Sultan Alau'd-Din Riayat Syah	75
11	Amanah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kepada Sultan Mahmud Syah	77
12	Amanah Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada Sultan Mahmud Syah	78
13	Senarai Bendahara di Bawah Kepimpinan Raja Melaka	89
14	Tugas Pembesar Menggantikan Raja dalam <i>Sulalatus Salatin</i>	92
15	Peristiwa Perutusan Surat dalam <i>Sulalatus Salatin</i>	98
16	Hukuman Bagi Kesalahan Tingkah Laku dalam <i>Sulalatus Salatin</i>	109
17	Keadilan Raja yang Ditaati Golongan Bawahan	110
18	Kezaliman Raja yang Ditaati Golongan Bawahan	111
19	Sifat Pemurah Raja Melaka	119

20	Individu yang Melakukan Kesalahan Bersekutu dalam Naskhah <i>Sulalatus Salatin</i>	152
21	Peristiwa Pembunuhan Tanpa Pengetahuan Raja Melaka	161
22	Penilaian Pelaksanaan Undang-Undang Adat dalam Kategori Adat yang Sebenarnya Adat	167
23	Penilaian Pelaksanaan Undang-Undang Adat dalam Kategori Adat yang Diadatkan	168
24	Penilaian Pelaksanaan Undang-Undang Adat dalam Kategori Adat yang Teradat	169

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Kerangka Konsep Undang-Undang Adat	31
2	Fasal dalam Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu	38
3	Kerangka Kajian Pelaksanaan Undang- Undang Adat Mengikut <i>Undang-Undang Melaka</i> dalam <i>Sulalatus Salatin</i>	52
4	Tatatingkat Kedudukan Pembesar Mengikut <i>Undang-Undang Melaka</i>	88
5	Hierarki Undang-Undang Adat dalam Masyarakat Melayu Melaka	132
6	Waad antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun	140

## **SENARAI SINGKATAN**

UUM	Undang-Undang Melaka
SS	Sulalatus Salatin
HKM	Hukum Kanun Melaka
KDEK	Kamus Dewan Edisi Keempat
UUML	Undang-Undang Melayu Lama
UUA	Undang-Undang Adat
ASA	Adat yang Sebenarnya Adat
ADA	Adat yang Diadatkan
ATA	Adat yang Teradat
AI	Adat Istiadat
PAFDMM	Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu
SWT	Subhanuhua Taala
SAW	Sallawahualaihi Wasalam

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Naskhah *Sulalatus Salatin* (seterusnya SS) merupakan naskhah Historiografi Melayu yang mengungkap pelbagai peristiwa sejarah kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 sehingga awal abad ke-16. Melaluinya, pelbagai informasi sejarah yang diperoleh seperti hubungan perdagangan dan adat-adat dalam masyarakat Melayu (Nicolas, A., 2017: 14). Dalam hal ini, pembinaan undang-undang adat (seterusnya UUA) memaparkan kebijaksanaan pemerintah untuk mengawal masyarakat agar mematuhi undang-undang yang diperuntukkan. Rogayah A. Hamid, (2006: ix-x) menjelaskan bahawa bidang ilmu seperti etika, peraturan dan undang-undang dalam naskhah Melayu lama mencerminkan kebijaksanaan pemerintahan beraja zaman silam.

Dalam hubungan ini, masyarakat Melayu Melaka mula membina kehidupan berlandaskan adat dan tradisi yang dipengaruhi oleh konsep Hindu. Undang-undang Hindu merupakan unsur asing pertama yang diterima dalam undang-undang adat Melayu yang dibawa oleh peneroka India (Buss-Tjen, P.P., 1958:124). Kemudian, selepas kedatangan Islam ke alam Melayu, masyarakat mula menerima amalan dan cara hidup yang berlandaskan agama Islam. Dalam hal ini, Melaka mula menerima pengaruh Islam setelah menjadi pusat perdagangan terkenal di selatan Semenanjung Melayu melalui kedatangan para pedagang Arab. Kecenderungan para pedagang memilih Melaka sebagai tempat berlabuh disebabkan oleh kedudukan Melaka yang strategik serta penyediaan tempat berlabuh yang selesa untuk semua kapal perdagangan yang melalui laluan antara Lautan Hindi dan Laut China Selatan (Peter Tze, M.N, 2012: 1076).

Lantaran itu, bagi memperkuatkan amalan dan cara hidup berlandaskan syariah, kerajaan kesultanan Melayu Melaka telah menghasilkan kitab *Undang-Undang Melaka* (seterusnya *UUM*). Penghasilannya juga bertujuan membentuk masyarakat Melayu agar mematuhi undang-undang yang ditetapkan dalam al-Quran mahupun Hadis. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Alhaji Umar Alkali dan Kamal Alhaji Daud, (2015: 170) bahawa *UUM* merupakan sebuah naskhah undang-undang bertulis pertama yang dihasilkan pada zaman kesultanan Melayu bertujuan menetapkan prinsip-prinsip Islam dalam UUA Melayu. Oleh hal demikian, hukum adat dan hukum Islam yang terungkap dalam UUA Melayu saling melengkapi untuk mengawal kehidupan masyarakat agar tidak berpaling dari hukum Islam dan tidak bersalah dengan hukum adat.

Sehubungan itu, UUA yang diperuntukkan bertujuan mengawal tindak tanduk masyarakat dari pelbagai sudut kehidupan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammadorfee-E Musor, (2013: 270) bahawa UUA merupakan satu bentuk norma sosial yang ditubuhkan oleh kuasa politik dan wajib dipatuhi untuk mengawal tingkah

laku dan etika sosial masyarakat Melayu. Oleh itu, masyarakat dari pelbagai golongan perlu mematuhi UUA yang ditubuhkan untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, UUA itu sendiri berfungsi untuk mengelakkan berlakunya kekecohan sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad Yusoff Hashim, (1989: 198) bahawa sebagai asasnya, undang-undang merupakan kaedah untuk menghapuskan pelbagai konflik dan permasalahan dalam kalangan masyarakat.

Dalam hubungan ini, aspek undang-undang jelas terpahat dalam naskhah *UUM* dan *SS* sebagai naskhah awal yang menggambarkan pembentukan kerajaan Melayu Melaka sehingga menjadi rujukan pada kerajaan Melayu yang lain. Arkib Negara Malaysia, (2006) mencatatkan bahawa dasar pembentukan budaya politik Melayu dimulakan pada zaman kesultanan Melayu Melaka yang kemudiannya diwarisi oleh kesultanan Melayu yang lain. Justeru, pemilihan kedua-dua naskhah awal ini relevan dalam mengungkap sejarah awal undang-undang bangsa Melayu kerana naskhah *UUM* telah digubal ketika kerajaan Melayu Melaka sedang membina empayar kegemilangan. Sebagai bukti, naskhah *SS* mencatatkan bahawa semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, baginda telah memerintahkan agar undang-undang diturunkan dalam sebuah buku yang merujuk pada naskhah *UUM* agar tidak wujud sebarang pertengangan (Jelani Harun, 2016: 48).

Huraian dan perbincangan tersebut telah memperlihatkan kepentingan UUA yang bertujuan melindungi hak masyarakat dari dicerobohi atau diganggu gugat. Menurut Dimitrijevic, V. (2006: 4) UUA merupakan sumber undang-undang yang berkaitan dengan corak tingkah laku yang ditubuhkan bertujuan melindungi hak asasi manusia. Sehubungan itu, bagi meneliti keberkesanan peruntukan UUA tersebut, fasal dalam *UUM* akan diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu Melaka berdasarkan naskhah *SS*. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti pelaksanaan UUA mengikut *UUM* dalam *SS*.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pengkajian yang tertumpu pada UUA sudah lama mendapat penelitian pengkaji dan sarjana Barat mahupun tempatan. Namun, kajian undang-undang adat tersebut berfokus pada aspek kepengaruan hukum adat, fungsi dan peranan hukum adat serta aspek keadilan yang cenderung mengupas undang-undang adat secara dalaman. Dalam hubungan ini, perbincangan undang-undang adat secara mandiri mahupun perkaitan dengan naskhah *UUM* dan *SS* masih dipengaruhi soal fungsi undang-undang mahupun kesan kewujudannya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kecenderungan tersebut dilihat meminggirkkan usaha untuk meneliti pelaksanaannya secara menyeluruh, sedangkan pelaksanaan *UUM* adalah bukti yang sangat penting untuk mengukur tahap pelaksanaan hukum di Tanah Melayu (Abd. Jalil Baharom, 2002: 96).

Dalam hubungan ini, undang-undang merupakan alat untuk mengawal seluruh sistem kehidupan masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, pengubalan undang-undang seiring dengan pembentukan adat dan budaya yang mempunyai mesej dan pengajaran

untuk masyarakat membentuk kehidupan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Yusoff Hashim, (1989: 198) bahawa sebahagian dari kehidupan masyarakat merupakan undang-undang yang berperanan sebagai alat kawalan perilaku setiap individu yang berupaya membentuk unsur dinamik selaras dengan kedinamikan sistem budaya yang diamalkan. Lazimnya, setiap peraturan dan hukuman yang digubal dalam naskhah UUA Melayu bertujuan menjaga keamanan hidup masyarakat dalam negeri mahupun negara (Jelani Harun, 2006: 63).

Dengan kepentingan tersebut, UUA yang diperuntukkan perlu dilaksanakan dalam pentadbiran kerajaan Melayu. Oleh hal demikian, kajian dilakukan untuk meneliti sama ada peruntukan UUA pada zaman kesultanan Melayu Melaka dilaksanakan atau sebaliknya. Dalam hal ini, para pengkaji tempatan cenderung memperakurkan bahawa undang-undang yang diperuntukkan di Melaka dilaksanakan. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan *UUM* betul-betul dilaksanakan yang kemudiannya dihimpunkan menjadi undang-undang dalam kerajaan Melayu Melaka (Liaw Yock Fang, 2004: 12). Hakikat tersebut dikukuhkan lagi apabila peruntukan undang-undang dikatakan dilaksanakan di Melaka dalam tempoh kekuasaan kerajaan Islam. Di samping itu, terdapat kenyataan dalam undang-undang yang membawa pengertian bahawa undang-undang tersebut sememangnya dilaksanakan dan kenyataan tersebut memberi pengertian yang sama dalam naskhah SS (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 1997: 48).

Natijahnya, naskhah SS dikatakan mengandungi aspek undang-undang yang menggambarkan pelaksanaan undang-undang yang diperuntukkan. Dalam hal ini, Syamsul Huda, (2011: 72) menjelaskan bahawa sebagai sebuah karya sastera sejarah, naskhah SS mencerminkan salah satu aspek adat, iaitu mengenai pelaksanaan undang-undang dalam kerajaan Melayu. Pelaksanaan undang-undang dalam naskhah SS tidak terbatas dalam pengertian Melayu secara geografi, tetapi secara genealogi yang meliputi segenap negeri Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang dalam *UUM* sememangnya dilaksanakan yang bukan sekadar tertakluk dalam kerajaan Melayu Melaka sahaja, malah melewati sempadan jajahan Melaka. Dalam hal ini, Abd. Jalil Baharom, (2002: 95) menegaskan bahawa mustahil sekiranya Melaka tidak memiliki undang-undang atau peraturan yang dapat mengawal perilaku masyarakat sama ada di Melaka atau jajahan takluknya. Hakikat ini membuktikan kekuatan *UUM* sebagai undang-undang bertulis yang bersifat dinamik dan relevan dilaksanakan dalam semua kerajaan Melayu di bawah kekuasaan empayar Melaka.

Walau bagaimanapun, wujud percanggahan pandangan apabila terdapat beberapa sarjana yang menganggap bahawa peruntukan UUA tidak dilaksanakan dalam kerajaan Melayu Melaka dengan menolak atau meragui nilai undang-undang Melayu sebagai sumber hukum. Dalam hal ini, Wilkinson, R.J., (1908: 3) menjelaskan bahawa *UUM* hanyalah sebuah *digest* (risalah) yang menggambarkan sesuatu perkara tetapi bukan sebagai undang-undang yang sebenar kerana tidak ada orang yang akan dikenakan hukuman sekiranya melanggar salah satu bahagian dari undang-undang tersebut atau fasal yang terkandung di dalamnya. Hakikat tersebut dikuatkan apabila pendokumentasian undang-undang itu tidak bererti bahawa peruntukannya itu ‘wajib’ digunakan kerana itu hanyalah satu lafadz secara eksplisit dan menjadi bukti kewujudan undang-undang dalam sebuah kerajaan Melayu lama dan dirujuk sekiranya diperlukan sahaja (Muhammad Yusoff Hashim, 1999: 119).

Tambahan pula, risalah hukum kanun itu dikatakan tidak lebih dari sebuah buku rujukan apabila peraturannya dapat dikesampingkan oleh seorang raja yang kuat atau seorang hakim yang taat kepada raja (Winstedt, R.O., 1958: 136). *UUM* dianggap sebagai dokumentasi yang berbentuk manual kerana hakim akan sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman atau bergantung pada titah raja yang secara khususnya menjadi sumber undang-undang (Muhammad Yusoff Hashim, 1999: 119). Oleh hal demikian, daptan ini telah menunjukkan dua pandangan berbeza mengenai pelaksanaan UUA pada zaman kesultanan Melayu Melaka sama ada dilaksanakan atau sebaliknya. Perbincangan ini juga telah menghasilkan lompong kosong mengenai pelaksanaan UUA dalam masyarakat Melayu Melaka kerana terdapat para sejarawan dan pengkaji yang meragui dan mempertikai pelaksanaan *UUM* dalam kerajaan Melayu Melaka dan jajahan takluknya (Abd. Jalil Baharom, 2002: 95).

Berbicara mengenai *UUM* dan undang-undang Melayu lama tidak dapat meminggirkan aspek kepengaruan agama dalam naskhah tersebut. Dalam hal ini, kandungan *UUM* bukan sahaja mengandungi aspek adat yang dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha, malah turut terpengaruh dengan hukum Islam. Situasi tersebut dikaitkan dengan kemunculan Islam yang telah mempengaruhi sistem kehidupan masyarakat Melayu Melaka. Dalam hal ini, Shamrahyu A. Aziz (2009: 2) menjelaskan bahawa apabila kerajaan Melaka berada di puncak kekuasaan, Islam mempunyai pengaruh yang besar. Undang-undang Islam dan adat tempatan telah diterima pakai dalam sistem undang-undang dan ditadbir dengan sewajarnya. Oleh itu, Melaka merupakan contoh tipikal mengenai kedatangan agama besar Islam yang mempengaruhi undang-undang di negeri Melaka (Peter Tze, M.N., 2012: 107).

Dalam hubungan itu, gabungan pelbagai hukum tersebut terutama hukum Islam dan hukum adat telah menyebabkan wujudnya percampuran fasal yang tidak dibuat pembahagian dalam naskhah *UUM* (Liaw Yock Fang, 2006). Dalam hal ini, Buss-Tjen, P.P., (1958: 124) menjelaskan bahawa undang-undang dalam kerajaan Melayu Melaka saling bercampur antara adat, hukum Hindu dan hukum Islam. Dengan itu, undang-undang yang ditulis itu didapati tidak sistematis yang memperlihatkan campur aduk antara beberapa jenis undang-undang (Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, 1995: 20). Oleh hal demikian, undang-undang yang saling bercampur yang wujud pada zaman kesultanan Melayu Melaka bukan sekadar menerangkan peraturan bertulis sahaja, malah menjangkau aspek peraturan dan adat resam, adat yang diistiadatkan, etika, norma dan akhlak (Muhammad Yusoff Hashim, 1989: 201).

Sehubungan itu, percampuran tersebut akan dibuat pembahagian dengan menggunakan kategori adat yang terbahagi kepada tiga, iaitu adat yang sebenarnya adat (seterusnya ASA), adat yang diadatkan (seterusnya ADA) dan adat yang teradat (seterusnya ATA) (Muhammad Takari Jilin Syahrial, 2015). Kaedah ini bertujuan membanding bezakan pelaksanaan UUA yang terkandung dalam *UUM* untuk dipadankan dengan peristiwa dalam SS agar kajian lebih berstruktur. Oleh hal demikian, isu mengenai pelaksanaan UUA serta percampuran fasal dalam *UUM* dapat menimbulkan beberapa persoalan penting dalam kajian ini, iaitu:

1. Apakah kategori pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*?
2. Sejauh manakah undang-undang adat dalam *Undang-Undang Melaka* berdasarkan *Sulalatus Salatin* dilaksanakan?
3. Apakah penilaian dan rumusan terhadap pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*?

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan permasalahan dan persoalan yang dibangkitkan, perbincangan dalam kajian ini didasarkan pada empat objektif utama, iaitu:

1. Mengkategorikan pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*.
2. Menganalisis pelaksanaan undang-undang adat berdasarkan adat yang sebenarnya adat, adat yang diadatkan dan adat yang teradat.
3. Menilai pelaksanaan undang-undang adat mengikut *Undang-Undang Melaka* dalam *Sulalatus Salatin*.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dilakukan adalah satu usaha bagi menambah koleksi ilmiah, terutamanya dalam bidang undang-undang Melayu lama (seterusnya UUML). Penelitian mendapati bahawa para pengkaji kurang tertarik terhadap kajian mengenai UUML, terutamanya dalam kalangan siswazah. Lantaran itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat serta imbuhan baharu dalam penghasilan karya mahupun kajian ilmiah berkaitan isu perundungan Melayu. Selanjutnya, kajian ini juga diharapkan berupaya menyumbang idea kepada kelompok pembaca agar memperoleh maklumat yang diperlukan, terutamanya berkaitan dengan UUA.

Sebagai tambahan, kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan kepada dunia sastera tanah air terutama dalam bidang kesusasteraan Melayu tradisional. Seiring dengan itu, kebangkitan sastera Melayu moden tidak harus meminggirkan sastera tradisi sebagai cara untuk mengekalkan khazanah warisan bangsa Melayu. Mariyam Salim, (2005: 45) menegaskan bahawa walaupun masyarakat telah hidup dalam kemodenan, unsur-unsur tradisi tidak seharusnya dipinggirkan kerana tamadun dan peradaban sesuatu bangsa bermula dengan sejarah, ilmu dan budaya tradisi. Dalam hal ini, pengekalan terhadap sastera tradisi ini merupakan satu langkah untuk mengangkat martabat bidang kesusasteraan Melayu tradisional agar tidak dipandang sepi oleh penggiat sastera Melayu.

Secara khusus, naratif undang-undang yang diangkat menjadi tema dalam kajian ini merupakan satu usaha dalam mengembangkan manfaat yang ada dalam dunia sastera menerusi cabang UUML. Dalam hal ini, pengkajian terhadap pelaksanaan UUA dapat

menilai sejauh mana undang-undang tersebut dilaksanakan dalam kerajaan Melayu Melaka. Dengan itu juga, masyarakat dapat memahami fungsi sebenar undang-undang apabila undang-undang yang diperuntukkan dilaksanakan sebaiknya. Walau bagaimanapun, penyelewengan pelaksanaan UUA dalam masyarakat Melayu tradisi telah mendatangkan banyak kemudaratuan yang dapat memberi pengajaran kepada masyarakat Melayu moden. Justeru, kesan dari kepatuhan dan perlenggaran dalam melaksanakan undang-undang dapat dijadikan rujukan serta panduan kepada kerajaan Melayu baru untuk memperkuuhkan sistem perundangan yang sedia ada. Hal ini kerana, pematuhan atau perlenggaran terhadap undang-undang yang diperuntukkan akan mempengaruhi corak pembangunan sesebuah kerajaan.

Selain kepentingan terhadap dunia sastera dan khalayak, kajian ini turut memberi manfaat kepada bidang ilmu atau akademik yang lain terutama terhadap badan perundangan moden yang dimaktubkan dalam perlembagaan. Sejarah mencatatkan bahawa manusia mengenal undang-undang melalui UUA yang berfungsi membentuk masyarakat serta dijadikan landasan utama terhadap pembinaan perlembagaan undang-undang Melayu moden. Walaupun kandungannya nyata berbeza, namun asas dan tujuan peruntukannya adalah seiring, iaitu sebagai alat kawalan sosial buat masyarakat. Dalam hal ini, peristiwa UUA yang akan dibincangkan dapat dijadikan renungan dan iktibar kepada pucuk pimpinan agar melaksanakan undang-undang yang ditubuhkan. Di samping itu, kepentingan UUA ini juga ditujukan kepada masyarakat Melayu agar mematuhi undang-undang demi kesejahteraan dan keselamatan kawasan yang didiami.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian terhadap UUA ini memberi penelitian terhadap dua buah naskhah, iaitu *UUM* yang diselenggarakan oleh Liaw Yock Fang terbitan Yayasan Karyawan (2003) dan naskhah SS yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2008). Kedua-dua naskhah tersebut dipilih bersandarkan beberapa pertimbangan yang bersesuaian dengan objektif dan keperluan kajian. Pemilihan bahan tersebut bersandarkan pertimbangan bahawa naskhah Melayu lama mengandungi pelbagai bidang ilmu dan peristiwa sejarah untuk diwarisi oleh generasi terkini. Dalam hal ini, naskhah Melayu lama mengungkap pelbagai nilai ilmu yang diperturunkan, dikaji, difahami dan diamalkan oleh generasi Melayu baru. Ilmu tersebut perlu dimanfaatkan demi memperkasakan tamadun bangsa Melayu sehingga dapat melahirkan satu bangsa yang berbudaya tinggi. Di samping memahami sejarah, nilai intelektual, nilai budaya dan epistemologi Melayu, kewujudannya perlu dianggap sebagai khazanah berharga kepada bangsanya (Muhamad Ikhram Fadly Husin, 2006: 83).

Karya *UUM* merupakan sebuah naskhah induk yang digunakan dalam kerajaan Melayu Melaka. *UUM* begitu berpengaruh ke atas kehidupan masyarakat Melayu sehingga mempengaruhi naskhah-naskhah di negara dan kawasan yang lain, terutamanya negeri yang pernah di takluk oleh empayar kesultanan Melayu Melaka (Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, 1995: 1). Hakikat tersebut menjadikan naskhah *UUM* sebagai sumber perundangan pertama oleh bangsa Melayu untuk membina tamadunnya. Dengan sejarah awal yang dibina, *UUM* sememangnya mempunyai impak yang besar terhadap

perkembangan sistem perundangan negeri Melayu yang lainnya seperti *Undang-Undang Johor*, *Undang-Undang Pahang* dan *Undang-Undang 99 Perak* (Shamrahayu A Aziz, 2009: 2). Dengan itu, kepengaruan naskhah *UUM* tersebut telah memaparkan keagungan raja Melayu terutama raja Melaka dalam menggubal undang-undang untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam pemerintahan.

Sama seperti naskhah *UUM*, naskhah *SS* merupakan sebuah karya agung yang tertua bagi orang Melayu (Ahmat Adam, 2010: 1). Karya ini merupakan karya warisan bagi bangsa Melayu yang disebut sebagai tradisi keintellectualan Melayu yang dikarang dari persepsi seorang pengarang untuk menggambarkan zaman silam bangsanya. Dalam hal ini, sarjana Melayu moden mahupun Barat telah menganggap naskhah *SS* sebagai *par excellence* (kecemerlangan setanding) (Norazimah Zakaria, 2005: 320). Dalam hubungan ini, naskhah *SS* menggambarkan pelbagai peristiwa undang-undang yang memaparkan soal etika raja dan masyarakat sama ada dari segi persamaan mahupun pertentangan undang-undang. Oleh hal demikian, naskhah *SS* telah dianggap sebagai sebuah naskhah ketatanegaraan Melayu yang bercirikan sejarah (Mohd Akbal Abdullah, 2013: 39).

Sehubungan itu, naskhah *UUM* dan *SS* merupakan naskhah induk terawal yang menggambarkan perihal undang-undang, adat, tradisi dan budaya di alam Melayu khususnya dalam kerajaan Melayu Melaka. *UUM* sememangnya dikategorikan sebagai naskhah undang-undang dan naskhah *SS* adalah naskhah historiografi Melayu yang mengungkap pelbagai peristiwa termasuk undang-undang. Oleh hal demikian, berdasarkan kepentingan dan fungsi *UUM* dan *SS* sebagai naskhah induk untuk mengenali bangsa Melayu, kajian ini tertumpu pada pelaksanaan UUA dalam kerajaan Melayu Melaka. Aspek pelaksanaan tersebut disentuh dengan mengkategorikan fasal dalam *UUM* sebagai rujukan untuk meneliti pelaksanaan UUA dalam naskhah *SS*.

## 1.6 Definisi Operasional

Seajar dengan fokus kajian, bahagian ini akan menghuraikan definisi kata kunci yang mendasari judul kajian ini, iaitu “undang-undang adat”.

### 1.6.1 Undang-Undang Adat

Undang-undang merupakan mekanisme kepada pemerintah untuk mengawal keperibadian masyarakat demi mencapai kesejahteraan dan keharmonian dalam negeri. Lazimnya, undang-undang dijadikan panduan untuk manusia membentuk etika dalam melakukan sebarang tindakan. Dalam hal ini, Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff et. al, (2015: 1) menjelaskan bahawa undang-undang dan peraturan merupakan asas utama dalam memastikan kesejahteraan dan kemaslahatan dapat dicapai melalui perjalanan kehidupan manusia. Selain itu, undang-undang yang ditetapkan juga memperuntukkan hukuman kepada masyarakat yang melanggar peraturan. Oleh itu, melalui peruntukan undang-undang tersebut, setiap arahan yang dibuat bertujuan membentuk cara hidup

dengan menetapkan hukuman sekiranya masyarakat mengingkarinya (Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid, 2001: 28).

Dalam konteksuraian tersebut, undang-undang dalam pengkhususan ini disebut sebagai UUA. UUA telah mendominasi keseluruhan cara hidup masyarakat terutama dalam kalangan masyarakat Melayu walaupun mengalami pelbagai perubahan. Menurut Abdullah Alwi Hassan, (2001: 52-54) UUA yang dibawa oleh masyarakat Melayu dibina berdasarkan amalan kebudayaan yang meliputi keseluruhan cara hidup, di samping berteraskan hukum Islam. UUA tersebut terus hidup dan kekal walaupun mengalami pelbagai perubahan disebabkan oleh pengubahsuaian untuk dipadankan dengan suasana dan tempat sekeliling. Tambahan pula, UUA merupakan satu langkah untuk mengintegrasikan masyarakat dalam satu aliran norma dan nilai yang sama sehingga dapat membentuk jati diri dan keperibadian bangsa Melayu. Justeru, keberadaan bangsa Melayu di sesuatu tempat disatukan oleh kesamaan nilai dan norma yang menonjolkan identiti bangsanya (Norazit Selat, 2001: 89).

Sehubungan itu, kesamaan yang dibina bertujuan mewujudkan kerukunan, keamanan dan kesejahteraan tanpa perlu menghadapi sebarang gangguan. Zainal Abidin Borhan, (1999: 412-413) menegaskan bahawa UUA seperti adat beraja, adat bernegeri dan adat memerintah disebabkan matlamat masyarakat untuk hidup dalam keadaan aman, rukun dan sejahtera sebagai usaha mengelakkan kekacauan dan porak-peranda. Dalam hal ini, UUA yang ditubuhkan melalui pelbagai jaringan seperti sosioekonomi, sosiopolitik, sistem nilai dan sistem hukum bertujuan mencapai matlamat yang dikehendaki. Hal ini kerana UUA merupakan amalan adat dan tradisi bangsa Melayu yang lama kelamaan diiktiraf sebagai undang-undang sehingga dikuatkuasakan oleh ketua atau pemimpin. (Zaini Nasohah, 2002: 320).

Lantaran itu, UUA pada zaman kesultanan Melayu merupakan penyusunan peraturan yang diasaskan oleh amalan lazim yang dilakukan oleh masyarakatnya. Dalam hal ini, Jelani Harun, (2008: 131) menjelaskan bahawa UUA merupakan amalan berdasarkan nilai, norma, moral, adat istiadat serta adab yang dibentuk menjadi peraturan. Kaedah yang digunakan bertujuan memberi panduan kepada raja dan para pembesar untuk menjalankan proses pemerintahan dan pentadbiran negara. Oleh sebab itu, UUA menjadi asas perundungan masyarakat Melayu yang bukan sahaja mengajar masyarakat mengenai cara bertingkah laku, malah membentuk disiplin agar masyarakat tidak melakukan kesalahan. Selain itu, UUA juga bertujuan menyatukan individu dalam kelompok adat yang bertunjang pada misi sama dan disusun berdasarkan tiga perkara utama. Pertama, UUA adalah satu kaedah yang mempunyai pengukuhan, kedua pengukuhan tersebut melibatkan peraturan dan hukum yang ringan sehingga yang berat dan ketiga UUA adalah norma dan kaedah yang lahir dari keadilan buat masyarakat melibatkan peraturan tingkah laku dalam kehidupan seharian (Abdullah Siddik, 1975: 18).

Antara lainnya, pentadbiran UUA turut mengawal perkara yang berkaitan dengan kesalahan pada orang, harta dan masyarakat, termasuk aspek yang melibatkan undang-undang keluarga dan warisan (Hapriza Ashari et. al., 2003: 24). Hal ini menunjukkan bahawa UUA merupakan alat kawalan yang bersifat menyeluruh bertujuan

mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Menurut Lokman Md. Zen, (1998: 5) UUA diperlukan dalam masyarakat Melayu tradisi sebagai perantara untuk menyusun strategi keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan negeri. Oleh itu, kewajaran penggunaan sesuatu undang-undang adalah melihat latar masyarakat yang hidup dalam sesuatu zaman serta disesuaikan dengan peruntukan UUA yang telah ditetapkan oleh pemerintah.

